

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1574



'BIASAN KREATIVITI' DALAM PAMERAN REQASENI V.5 2014

Oleh: Mohd Zaki Bin Mohd Fadil

Buat kali ke-5, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Sarawak telah mempersembahkan hasil kreativiti 28 orang pelajar tahun akhir sempena Pameran REQASENI V.5 2014. Pameran yang bertemakan PRISMA membawa maksud 'biasan kreativiti' pelajar ketika menghasilkan karya dan rekaan mereka sehingga terhasilnya refleksi yang berguna dan bermanfaat kepada masyarakat.

Pameran tersebut telah diadakan dengan jayanya di The Hills Shopping Mall, Kuching dari 17 sehingga 19 Oktober 2014. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh wakil Rektor iaitu Prof. Madya Wan Akil Tuan Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UiTM Sarawak pada hari Sabtu, 18 Oktober 2014.

Seramai 9 orang pelajar Jabatan Seni Halus telah menghasilkan karya bertemakan "Autobiography" yang berkisar mengenai kehidupan peribadi dan persekitaran. Karya-karya yang dihasilkan terdiri daripada lukisan, catan, cetakan dan arca. Para pelajar ini telah

mendapat tunjuk ajar dan nasihat daripada 4 orang pensyarah tahun akhir mengikut bidang kepakaran masing-masing; Encik Mohd Razif Bin Mohd Rathi dalam bidang Lukisan, Puan Chrisna Pindah dalam bidang Catan, Cik Mursyidah Zainal Abidin bidang Cetakan dan Encik Ali Azraie Bin Bebit dalam bidang Arca.

Bagi pelajar di Jabatan Grafik & Media Digital yang terdiri dari 17 orang pelajar, hasil karya yang dihasilkan telah diklasifikasi kepada 4 cabang utama dan mendapat tunjuk ajar melalui konsultasi bersama pensyarah tahun akhir seperti Encik Mohd Zaki B. Mohd Fadil dalam bidang Identiti Korporat, Encik Vincent Wong Thian Fook dalam bidang Pengiklanan, Encik Clement Jimel dalam bidang Ilustrasi dan Encik Mohd Faizol B. Haini dalam bidang Multimedia. Para pelajar kemudiannya akan menghasilkan rekaan samada melalui proses penjenamaan semula ataupun membuat jenama baharu mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan. Antaranya termasuk kategori badan korporat dan perkhidmatan, rekaan produk, kempen dan program.

Sekitar Pameran
REQASENI V.5
2014



Barisan pelajar
pelajar dan
pensyarah yang
telah bertungkus
lumis bagi
menjayakan
pameran pada
kali ini.

Penyertaan Kereta Berhias UiTM Sarawak di Perarakan Jalanan Pesta Kuching 2014

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah Amir Abdullah

Pada 8 September 2014 yang lepas, buat julung kalinya UiTM Sarawak telah menyertai Perarakan Jalanan Pesta Kuching 2014 yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-26 Hari Bandaraya Kuching.

Perarakan ini disertai 56 kontinjen yang terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan dan swasta termasuk pelajar daripada institusi pengajian tinggi dan juga sekolah menengah. UiTM Sarawak turut menghantar kontingen bagi kategori kereta berhias dan juga 'marching band' yang bernama "UiTM Golden Hornbill Drumline".

Menurut Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, penyertaan UiTM Sarawak buat julung kalinya ini merupakan tanda sokongan UiTM kepada MBKS dan DBKU dalam sambutan hari bandaraya untuk tahun ini.

"Selain daripada itu, kita juga berbesar hati menghantar kontingen UiTM Golden Hornbill Drumline yang terdiri daripada para pelajar kita sendiri, untuk mereka menimba pengalaman agar suatu hari nanti, mereka boleh menunjukkan bakat bukan sahaja di peringkat negeri, malah kebangsaan dan antarabangsa," tambahnya lagi.

Kontingen kereta berhias yang diketuai oleh Encik Lukmanulhakim Adhar, Ketua Bahagian Pengurusan Fasilitas UiTM Sarawak dilantik oleh Rektor untuk mereka bentuk dan konsep kereta berhias mengikut tema yang diberikan pihak penganjur iaitu kesatuan, persahabatan, aman dan harmoni.

Menurut Encik Lukmanulhakim, kereta berhias yang dihasilkan itu mempamerkan keserjanaan ilmu yang UiTM Sarawak berikan kepada para pelajar dan juga masyarakat dengan 'Usaha Takwa Mulia' sebagai pegangan dan motto.

"Ilmu merupakan kunci pada keakraban dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum dan etnik. Dengan ilmu di dada, masyarakat akan saling hormat menghormati dan bersatu teguh ke arah keamanan dan keharmonian hidup sejagat," katanya.

"Apa yang ingin dipamerkan pada kereta berhias tersebut merupakan simbolik tersirat bahawa UiTM Sentiasa Di Hati Ku, di sinilah lahirnya sebuah cinta... pada Tuhan, Negara dan Bangsa, untuk Sarawak terus maju dan makmur dalam Malaysia," jelasnya lagi.

Berpuas hati dengan kejayaan di tempat ketiga, Encik Lukmanulhakim yang dibantu oleh para pegawai dan kakitangan sokongan UiTM Sarawak tidak menyangka sama sekali akan menang kerana niat utama penyertaan bukanlah untuk menang, tetapi lebih kepada memberi sokongan di samping mendekati masyarakat dan para pelancong yang berkunjung semasa pesta tersebut.

Menariknya lagi, kontingen UiTM Golden Hornbill Drumline turut mendapat tempat ketiga bagi kategori "Marching Band".



Marching band UiTM Golden Hornbill Drumline



Kereta berhias dari UiTM Sarawak



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**